

## **Kementerian tunggu draf Peguam Negara**

---

**PELABUHAN KLANG** : Kementerian Pengangkutan masih menunggu draf Pindaan Rang Undang-Undang Akta Pengangkutan Jalan 1987 berkaitan hukuman terhadap pemandu yang memandu di bawah pengaruh alkohol dan dadah sehingga membawa kematian pengguna lain daripada Pejabat Peguam Negara sebelum dibentangkan ke Parlimen. Menteriya, Anthony Loke berkata, bacaan pertama di Dewan Rakyat akan dibuat selepas draf pindaan akta itu diluluskan oleh Kabinet.

“Saya tidak boleh kata bila tarikh tepat ia akan dibacakan kali pertama kerana draf pindaan RUU oleh Jabatan Peguam Negara terlebih dahulu. “Namun begitu, kita akan cuba percepatkan pindaan RUU ini,” katanya pada sidang akhbar selepas melawat tapak pameran pemeriksaan awal projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) di Ibu Pejabat Lembaga Pelabuhan Klang di sini semalam.

Sinar Harian semalam melaporkan nahas kemalangan melibatkan pemandu mabuk semakin menjadi-jadi, bahkan setakat sebulan setengah tahun 2020, sebanyak enam nyawa terkorban dipercayai angkara pemandu mabuk. Terbaru pada Selasa lalu dua sahabat maut selepas motosikal ditunggang mereka dirempuh pemandu mabuk di Kilometer 13, Lebuhraya Lingkar Luar Butterworth arah Sungai Dua, Pulau Pinang. Dalam kejadian jam 2.30 pagi itu, Muhamad Syaiful Hilmi Rosidi, 21, yang bekerja sebagai juruelektrik dan pembonceng Muhammad Amin Najmi Azaman, 19, maut di lokasi kejadian.

Mengikut undang-undang sedia ada, pemandu mabuk boleh dikenakan tindakan mengikut Seksyen 45A (1) Akta Pengangkutan Jalan 1987 yang memperuntukkan hukuman denda maksimum RM6,000 atau penjara tidak lebih 12 bulan. Seksyen 41 pula memperuntukkan mana-mana individu yang menyebabkan kematian kerana memandu dengan melulu atau berbahaya boleh dihukum penjara tidak kurang dua tahun dan tidak lebih 10 tahun selain denda maksimum RM20,000. Bagi kesalahan memandu dalam keadaan mabuk hingga menyebabkan kematian pula, pesalah boleh dikenakan hukuman mengikut Seksyen 44 yang membawa hukuman denda maksimum RM10,000 dan penjara maksimum 12 bulan.

---

**SUMBER: SINAR HARIAN | M/S: 18 | 14 FEBRUARI 2020**